

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL  
GHAPUR BIN HAJI SALLEH [ KALABAカン ]**

**SOALAN :**

**YB Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]**  
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kementerian  
bercadang untuk mewujudkan satu pusat kawalan keselamatan dan  
transaksi perdagangan yang kekal dan komprehensif di Pulau Sebatik  
untuk memantau dan mengawal pergerakan manusia dan barang  
dagangan antara Tawau dan Indonesia.

**JAWAPAN :      YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang membuat pemerhatian dan kajian secara menyeluruh dan mendapati pendekatan komprehensif perlu dilaksana untuk mengukuhkan keselamatan sempadan termasuklah di Pulau Sebatik. Dalam hubungan ini, pembinaan pusat kawalan keselamatan dan perdagangan secara bersepadu dilihat sebagai sebahagian dari strategi yang boleh dilaksanakan. Pendekatan ini masih boleh diteliti dengan lebih terperinci dan syor mengenainya akan dibuat apabila kajian melalui pelbagai jabatan, agensi keselamatan dan agensi perdagangan telah selesai dilaksanakan.

Perbincangan dan persetujuan dua hala Malaysia dan Indonesia juga turut diambil perhatian bagi memastikan keberkesanannya demi memelihara kepentingan dan kedaulatan Negara.

Sekian. Terima kasih.